

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

**MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**PADA**

**16 MEI 2017**

**(SELASA)**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID**

**KOMPLEKS KERJA RAYA**

**TEMA: “WARGA BERPRESTASI MENJANA PRODUKTIVITI”**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YB Datuk Hajah Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin,  
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg Dato’ Sri Zohari bin Akob,  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg Dato’ Sri Ir. Dr. Roslan bin Md. Taha,  
Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg Dato’ Ir. Haji Ismail Bin Md Salleh,  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

YBhg Dato’ Ir. Ahmad Asri Bin Abdul Hamid,  
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia  
(CIDB)

Y. Bhg Dato’–Dato’, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan  
Salam Negaraku Malaysia.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana pada pagi ini, kita dapat berkumpul bagi menyempurnakan majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian

Kerja Raya bagi tahun 2016. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada penerima APC yang terdiri daripada warga kerja KKR serta agensi di bawahnya. Untuk makluman hadirin sekalian, jumlah penerima APC KKR untuk tahun 2016 adalah seramai 843 orang iaitu termasuk 3 orang penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) 2015. Pecahan penerima adalah seperti berikut:

- i. KKR : 75 orang
- ii. JKR : 665 orang
- iii. CIDB : 75 orang
- iv. LLM : 28 orang

2. Adalah diharapkan anugerah ini akan terus membakar semangat setiap warga kerja KKR untuk terus memberi perkhidmatan yang terbaik semasa bertugas. Hari ini adalah hari yang istimewa buat tuan-tuan dan puan-puan, dan ianya pasti akan menjadi memori indah sepanjang perkhidmatan. Saya amat yakin penerima APC, telah menunggu dan berusaha tahun demi tahun bagi menanti saat ini setelah berusaha dengan gigih dan komited dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Tidak lupa juga saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak penganjur, iaitu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian serta ahli jawatankuasanya kerana berjaya menganjurkan program ini saban tahun dengan jayanya.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

3. Tema Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KKR tahun ini ialah '**Warga Berprestasi Menjana Produktiviti**'. Sebagai sebuah organisasi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan

negara, pekerja yang cemerlang merupakan penyumbang kepada kebolehpayaan organisasi dalam bergerak maju bagi memenuhi visi dan aspirasi Kementerian. Ciri-ciri kualiti warga cemerlang adalah responsif, tangkas bertindak, menghargai masa, proaktif, berketrampilan, berdisiplin, kompeten, berintegriti, beriltizam, berfikir di luar kotak dan menghasilkan kerja yang bermutu tinggi. Gabungan elemen-elemen tersebut dizahirkan oleh warga kerja yang cemerlang terhadap tugas yang membawa kepada peningkatan pencapaian organisasi. Sesungguhnya sikap wargakerja KKR yang cemerlang dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan yang menjadi keutamaan perkhidmatan awam.

4. Produktiviti pula adalah keupayaan untuk menghasilkan output daripada satu set input yang diberikan. Produktiviti juga ialah kecekapan dan keberkesanan dalam penggunaan sumber seperti pekerja, teknologi, dan lain-lain secara optimum dan menukar input kepada output yang berguna. Ia amat berkait rapat dengan sistem penyampaian kepada masyarakat yang memerlukan seluruh warga kerja KKR mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi dan meningkatkan mutu sistem penyampaian sektor awam yang lebih responsif serta dapat memenuhi kehendak masyarakat.

## **PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

5. Namun begitu dalam mencapai peringkat berprestasi tinggi dan produktiviti yang mampan, cabaran besar yang dihadapi oleh Perkhidmatan Awam hari ini telah melangkaui sempadan antarabangsa iaitu fenomena globalisasi termasuklah ekonomi terbuka, tahap daya saing yang kompetitif, perubahan dan kemajuan sains dan teknologi

serta persaingan bakat. Keadaan ini memerlukan organisasi awam yang lebih dinamik dan tangkas dengan penjawatnya yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk membolehkan perkhidmatan awam memberikan sumbangan dan menggerakkan negara ke hadapan.

6. Sumber Manusia atau Modal Insan adalah aset utama sesebuah organisasi dalam menghadapi cabaran globalisasi dan modal insan perlu berkembang secara holistik selaras dengan visi, misi dan objektif organisasi. Warga kerja organisasi selaku penggerak utama perkhidmatan awam, perlu responsif kepada keperluan kerajaan dan kehendak rakyat selaras dengan Dasar Transformasi Negara bagi menuju ke arah status sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

7. Holistik dalam konteks pembangunan modal insan tidak terbatas kepada disiplin ilmu dan pemantapan kemahiran sahaja. Tetapi ia merangkumi aspek pembangunan minda, rohani, sahsiah dan etika. Ini bermakna dalam proses pembangunan modal insan hendaklah tidak menyetepikan aspek keinsanan yang perlu dibina menerusi falsafah hidup, pegangan agama dan dokongan moral kerana pembangunan modal insan yang holistik membolehkan transformasi berlaku dalam konteks lebih luas meliputi transformasi individu, keluarga, masyarakat dan negara.

8. Dalam mengambilkira kekangan-kekangan tertentu ke arah menuju kecemerlangan, akan ada ruang-ruang yang boleh dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi menampung kelemahan-

kelemahan yang masih ada. Apa yang penting, 'mind-set' untuk berubah, sudah pasti usaha penyesuaian organisasi dapat dilaksanakan dengan mudah. Untuk itu, adalah penting bagi kita berganjak dari ruang lingkup keselesaan (complacency) pada situasi semasa dengan memberikan fokus kepada aspek-aspek yang boleh ditambahbaik dalam pelaksanaan aktiviti masing-masing. Justeru, selaku Kementerian yang bertindak sebagai penasihat teknikal kepada Kerajaan, sukacita saya menyeru supaya warga Kerja Raya mengambil pendekatan memudahcara dalam memberikan input dan nasihat teknikal pengurusan kontrak projek-projek Kerajaan atau dalam kata lain menggunakan pendekatan "facilitate not to frustrate". Jika ada perkara-perkara yang mengekang pendekatan ini, bawalah untuk perbincangan diperingkat pengurusan tertinggi Kementerian ataupun melalui forum perbincangan sedia ada seperti Jawatankuasa Tadbir Urus (JITU) atau seumpamanya.

## **KEPERLUAN PSIKOLOGI YANG SEIMBANG DAN ILMU YANG BERMANFAAT**

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

9. Dalam keghairahan kita menjalankan tanggungjawab sebagai penjawat awam, kita sering alpa tentang kebajikan terhadap diri kita sendiri. Dalam bidang psikologi, keseimbangan minda merupakan asas kepada peningkatan semangat di tempat kerja dan seterusnya akan membawa kepada peningkatan produktiviti. Pakar pengurusan sumber manusia pada hari ini menyatakan bahawa elemen psikologi boleh memberi impak kepada semua masalah di tempat kerja daripada kekurangan kompetensi sehingga kepada kesihatan pekerja. Organisasi

yang telah menerapkan elemen psikologi dalam tadbir urus sumber manusia mendapati bahawa pekerja mereka lebih positif dan lebih berdaya saing. Pekerja akan berasa gembira apabila mereka dihargai dan dihormati dan secara langsung menjadikan mereka lebih produktif serta mempunyai kesejahteraan minda yang sihat.

10. Laporan dari Kementerian Kesihatan mendapati penyakit mental adalah yang kedua tertinggi selepas penyakit jantung dimana tekanan yang dihadapi di tempat kerja, di rumah dan dalam persekitaran pada masa ini amat menekan masyarakat kita. Masyarakat di luar amnya dan warga kerja KKR khususnya perlu diberikan pendedahan ilmu psikologi sendiri (self-developmental psychology) yang mengkhusus kepada daya tahan sosial dan pemikiran positif agar kehidupan yang dilalui sentiasa berada di landasan yang betul.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Dalam mengemudi arus perubahan yang semakin kompleks masa kini, suka atau tidak penjawat awam harus membangunkan kapasiti intelektual pada diri masing-masing bagi mencerna, menganalisis serta menterjemahkan aspirasi rakyat dan negara dalam setiap tindakan. Sektor awam kita ini perlu sentiasa dinamik dalam mencari usaha untuk keluar dari belenggu pemikiran yang jumud dan budaya kerja yang ketinggalan zaman untuk kita maju ke hadapan. Dalam konteks ini, kita perlu bersiap-siaga memastikan supaya kita tidak ketinggalan di dalam menongkah arus globalisasi yang pantas berubah, terutama sekali dalam keghairahan dunia berlumba-lumba melaksanakan perubahan dalam setiap aspek kehidupan. *“The greatest discovery of our time is the*

*human mind*". Minda seseorang itu berkembang selaras dengan ilmu yang dimiliki. Seterusnya ilmu yang diamalkan pula akan membawa perubahan yang besar terutamanya dalam meningkatkan taraf kehidupan.

## **PENUTUP**

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

14. Sebagai penutup, saya ingin mengajak seluruh warga kerja KKR untuk merenungi pesanan Imam Syafie, tokoh ilmuwan Islam yang hebat. Beliau berkata bahawa nilai seseorang individu terletak pada ilmunya, bukan pada pakaian atau harta benda yang dimiliki. Beliau menghabiskan kehidupannya dalam menimba, mengkaji dan menyebarkan ilmu untuk kebaikan umum. Beliau dikatakan telah berguru dengan lebih dari seribu orang guru dalam proses mendapatkan ilmu. Maka, itulah rahsia hasil kerja beliau yang cukup sempurna, terperinci dan tidak lapuk ditelan zaman. Diharapkan kita mendapat sedikit pengajaran daripada pesanan ini dan menyedari bahawa proses menggali ilmu adalah proses yang berterusan.

15. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2016. Kekalkanlah rentak kecemerlangan dan teruskanlah momentum prestasi yang positif ini ke tahun-tahun yang mendatang. Semoga negara kita terus kukuh, maju dan sentiasa di bawah payung kerahmatan Allah SWT...Aamiin



Sekian.Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.